

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HGM 437 Geografi Perkhidmatan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab DUA [2] soalan dari Bahagian A dan DUA [2] soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Hanya apabila perkhidmatan boleh didagang dan dipindahkan dalam ruang geografi barulah aktiviti ini boleh berperanan dalam ekonomi global.

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada ciri-ciri penting kebolehdagangan perkhidmatan.

[25 markah]

2. [i] Huraikan sumbangan perkhidmatan perantaraan dalam konteks strategi 'Manufacturing Plus Plus' Pelan Induk Perindustrian Kedua Malaysia.

[15 markah]

- [ii] Pada pendapat anda apakah kekangan yang boleh membantutkan usaha kerajaan untuk memajukan sektor perkhidmatan perantaraan di masa mendatang.

[10 markah]

.../2

3. Sejauhmana anda bersetuju kepada pendapat yang mengatakan sektor perkhidmatan di Malaysia kurang keupayaan samada untuk mengeksport perkhidmatan mahupun mengganti perkhidmatan yang diimport, dan keadaan ini telah menyumbang kepada masalah defisit akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran yang berterusan.

[25 markah]

4. Internalisasi dan eksternalisasi perkhidmatan perantara dipengaruhi oleh perkiraan yang berkaitan dengan usaha untuk mewujudkan struktur organisasi industri yang lebih cekap.

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada pengaruh perkiraan bersifat bukan kos dalam menentukan tahap permintaan bagi perkhidmatan perantara dalam sesebuah organisasi.

[25 markah]

BAHAGIAN B

5. Bincangkan sejauhmana teori petempatan pusat dapat menerangkan corak lokasi aktiviti perkhidmatan masa kini.

[25 markah]

6. Bincangkan sejauhmana perkembangan dalam teknologi maklumat mempengaruhi lokasi aktiviti perkhidmatan.

[25 markah]

.../3

7. Kerajaan memainkan peranan penting dalam menentukan corak lokasi aktiviti perkhidmatan. Dengan memberi contoh-contoh yang sesuai, bincangkan pernyataan ini.

[25 markah]

8. Bincangkan sejauhmana sistem maklumat geografi memainkan peranan dalam kajian lokasi aktiviti perkhidmatan.

[25 markah]

- oooOOOooo -

